KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	7/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	-			

BH 7.1.2022_2

Kelantan, Kedah tidak cadang henti pembalakan

Pertahan aktiviti ikut kuota, SOP tak boleh didakwa punca banjir

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kelantan dan Kedah tidak bercadang menghentikan aktiviti pembalakan di negeri masing-masing kerana ia dilaksanakan mengikut kuota ditetapkan melalui prosedur operasi standard (SOP) khusus dan tidak boleh dianggap punca utama banjir yang sebaliknya turut disebabkan banyak faktor lain.

Di **Kota Bharu**, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata penebangan balak di Kelantan dilakukan mengikut SOP di bawah Akta Perhutanan Negara 1984, sekali gus tiada keperluan menghentikan aktiviti itu.

"Bukan semua pokok boleh ditebang sewenangnya, sebaliknya mengikut had ditetapkan kerana tindakan tegas boleh diambil Jabatan Perhutanan.

"Proses penebangan juga perlu melalui syarat kajian impak alam sekitar (EIA) sebelum kerja pembalakan dibenarkan beroperasi agar dapat menjaga ekosistem hutan sedia ada.

"Kita juga ingin memaklumkan aktiviti penebangan pokok di Kelantan tidak dilakukan sepanjang Oktober, November dan Disember atas faktor cuaca. Yang ada hanya proses membawa balak untuk disimpan di Beta (lokasi simpanan balak).

"Pokok kayu ini ada tempoh usia tertentu yang jika tidak ditebang boleh mengganggu proses pertumbuhan selain berisiko tumbang. Ia perlu ditebang bila sampai masa dan kemudian ditanam semula," katanya selepas menghadiri Majlis Amanat Tahun Baru 2022 disampaikan Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob, semalam.

Beliau menegaskan, penebangan juga perlu ikut had ditetapkan, sebagai contoh hanya 3,000 pokok boleh ditebang pada satu-satu masa kerana pemegang konsesi yang melakukan kesalahan itu akan dikenakan tindakan.

Semalam, *BH* melaporkan gesaan Pengerusi Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), Hafizuddin Nasaruddin supaya kerajaan mengisytiharkan moratorium pembalakan bagi menghentikan sementara kegiatan itu susulan banjir puing yang membawa timbunan kayu balak seperti berlaku di beberapa negeri.



Hentikan sementara kegiatan pembalakan

Keratan akhbar BH, semalam.

Moratorium itu dilihat mustahak bagi memberi ruang kepada kerajaan untuk meneliti semula dan melakukan *post mortem* terhadap kelemahan dasar sedia dengan perkara yang harus diberi tumpuan adalah mengenai zon kawasan pembalakan, kaedah pembalakan, penguatkuasaan serta penyelarasan dasar.

Gesaan itu menyusul selepas laporan muka depan *BH* mengenai laporan berlaku ribuan gelinciran tanah dan aliran puing di Banjaran Titiwangsa ekoran hujan lebat luar biasa sehingga menjadi punca banjir puing yang membadai kawasan penempatan sekitar Hulu Langat, Selangor dan Bentong, Pahang, kira-kira dua minggu lalu.

Ia berdasarkan tinjauan udara lebih dua jam dilakukan Ketua Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia (APM), Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo di sepanjang lembangan Sungai Langat, Sungai Benus, Sungai Pertak, Sungai Timbul, Sungai Kerau, Sungai Telemung dan Sungai Bentung.

Puing merujuk bahan runtuhan akibat gelinciran tanah, terdiri daripada bongkah batuan, kerikil, pasir, lodak, lumpur dan tumbuh-tumbuhan seperti kayu-kayan serta bahan sepanjang tebing sungai termasuk kayu, daun yang reput dan bahan daripada binaan manusia.

Mohd Amar berkata, sumber hutan adalah salah satu hasil negara, bukan sahaja menjadi kebergantungan buat kerajaan Kelantan, malah negeri lain juga seperti Pahang serta Sarawak dan aktiviti itu juga bukan sebab utama banjir, sebaliknya penyumbang terbesar hasil negara dan ia sentiasa dipantau dari semasa ke semasa.

"Tidak dapat dinafikan terdapat kes pembalakan haram di negeri ini yang menjadi masalah, tetapi bukan hanya di Kelantan, malah seluruh negara.

"Kita tidak boleh hentikan penebangan pokok kerana ia sebahagian usaha untuk menjaga alam sekitar yang mana mengikut syarat, menanamnya semula sebaik ditebang," katanya.

Di **Alor Setar**, Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata aktiviti pembalakan tidak boleh dianggap punca utama banjir di negara ini berikutan terdapat banyak faktor lain yang berupaya mencetuskan bencana itu.

Katanya, fakta mengenai aktiviti pembalakan perlu dirujuk kepada pihak yang ada kuasa berkaitan seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Beliau berkata, keadaan menjadi tidak tepat apabila timbul pelbagai persepsi disebar di media sosial, sedangkan pembalakan negara dikawal ketat, termasuk mengikut garis panduan antarabangsa di bawah Protokol Geneva 1925 dan Deklarasi Rio.

"Kalau betul pembalakan menyebabkan banjir besar, di Selangor banjir besar (tapi) tak ada pembalakan. Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) pun tak ada pembalakan, pasal apa ada banjir? Selangor tebang kayu di mana? Wilayah Persekutuan ada hutan di mana?

"Jadi tuduhan banjir berpunca daripada pembalakan sebenarnya bukan 100 peratus betul. Sama di Kedah, semua banjir orang tuduh (disebabkan) balak (penebangan pokok). Macam berlaku di Titi Hayun, Yan, satu negara tuduh ada pembalakan di Gunung Jerai.

"Kita ada fakta Jabatan Meteorologi Malaysia yang mendapati hujan dalam masa satu setengah bulan turun dalam masa enam jam, maka air melimpah, pokok hanyut, batu besar hanyut. Sama di Selangor, hujan begitu banyak dalam masa singkat, jadilah banjir. Jadi, jangan semua banjir (dituduh akibat) pasal balak," katanya pada sidang media.

Muhammad Sanusi yang turut mengikuti misi bantuan banjir ke Selangor baru-baru ini, berkata pandangan awam dan pencinta alam sekitar mengenai isu pembalakan perlu dijelaskan bagi elak salah faham berterusan.

"Saya tengok kayu yang sangkut di sungai dan naik ke rumah orang bukan kayu balak, itu pokok biasa, bukan boleh buat balak. Pokok itu cucuh api (dibakar) pun tak jadi bara, siapa biasa duduk dalam hutan tahu. Bukan pokok balak, itu pokok kayu yang senang tercabut.

"Tuduhan kata ada pembalakan, apabila kita tak jawab, orang akan percaya. Ini masalah netizen yang bercakap kutip fakta tepi longkang dan kata benda itu betul, sedangkan sebenarnya tidak. Mereka sepatutnya kena ambil maklumat daripada pihak berkuasa," katanya.

> Bukan semua pokok boleh ditebang sewenang-wenangnya, sebaliknya mengikut had ditetapkan kerana tindakan tegas boleh diambil oleh Jabatan Perhutanan



Mohd Amar Nik Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan

> Saya tengok kayu yang sangkut di sungai dan naik ke rumah orang bukan kayu balak, itu pokok biasa, bukan boleh buat balak



Muhammad Sanusi Md Nor, Menteri Besar Kedah

Ibadat&Fadilat

Abu Qatadah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Jika salah seorang daripada kalian masuk ke dalam masjid, maka solatlah dua rakaat sebelum dia duduk." (HR Nasa'i)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:18	1:27	4:48	7:19	8:34
Alor Setar	6:18	1:27	4:48	7:19	8:34
P. Pinang	6:17	1:27	4:49	7:21	8:35
Ipoh	6:13	1:25	4:48	7:20	8:34
Kuala Lumpur	6:09	1:22	4:45	7:19	8:34
Shah Alam	6:09	1:22	4:45	7:19	8:34
Johor Bahru	5:57	1:14	4:37	7:13	8:28
Kuantan	6:03	1:17	4:40	7:14	8:28
Seremban	6:06	1:20	4:44	7:19	8:33
Bandar Melaka	6:05	1:20	4:43	7:18	8:33
Kota Bharu	6:11	1:20	4:41	7:12	8:22
K. Terengganu	6:05	1:16	4:37	7:10	8:24
Kota Kinabalu	5:15	12:25	3:47	6:19	7:33
Kuching	5:33	12:49	4:12	6:48	8:03